

# Saintis cipta selipar mesra alam

**LOS ANGELES 9 Okt.** - Para saintis di Universiti California baru-baru ini mencipta selipar berasaskan alga untuk mewujudkan alam sekitar yang lebih selamat dan bersih.

Menurut ketua penyelidik, Prof. Stephen Mayfield, penciptaan selipar itu adalah sebagai alternatif kepada penghasilan selipar yang berasaskan sumber mineral petroleum sebelum ini.

Jelasnya, sebanyak tiga juta selipar berasaskan petroleum dihasilkan di seluruh dunia setiap tahun.

“Kesemua selipar yang dihasilkan itu kebanyakannya akan menjadi sampah yang tidak boleh dilupuskan dan dibuang di sungai, laut serta darat. Walaupun selipar dilihat sebagai satu produk kecil, tetapi masih menjadi pilihan utama penduduk di seluruh dunia terutamanya di India, China dan Afrika,” katanya kepada *Xconomy*.

Mayfield turut menjelaskan, pencemaran terbesar di lautan adalah disebabkan oleh bahan *polyurethane* daripada selipar



**SELIPAR yang dicipta berasaskan alga mampu memelihara alam sekitar berbanding selipar yang dihasilkan dengan bahan petroleum. - AGENSI**

dan kasut lain yang dibuang atau hanyut.

Selipar yang dihasilkan menggunakan karbon minyak alga itu dikatakan bersifat lebih fleksibel dan lembut, selain tahan lama.

Para saintis kini berusaha untuk menjadikan selipar berkenaan sebagai bahan boleh lu-

pus atau biodegradasi dengan menukar minyak alga kepada *polyurethane* secara kimia yang akan membolehkannya dihancurkan oleh mikroorganisma.

Mayfield berkata, selipar alga boleh dibuang seperti sampah yang mudah lupus, sekali gus dapat melindungi alam sekitar.